



BULETIN FPPI 2018

4TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIYYAT STUDIES 2018 (IRSYAD 2018)

TEAM WORK BULETIN FPPI 2018

SITI MURSYIDAH MOHD ZIN - MOHD NORZI NASIR—MOHD ASRI ISHAK

BANGI - 18-19 Septembar The Fourth International Conference on Islamiyyat Studies 2018 (IRSYAD 2018) diteruskan lagi sebagai kesinambungan persidangan antarabangsa dalam bidang Pengajian Islamiyyat.

IRSYAD 2018 adalah anjuran Fakulti Pengajian Peradaban Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan merupakan penganjuran kali yang ke-4 yang bertujuan meningkatkan pembangunan penyelidikan dalam kalangan para pengkaji Islam serta berkongsi hasil dapatan penyelidikan di peringkat antarabangsa khususnya dalam menangani pelbagai isu globalisasi berkaitan umat Islam dan merungkai permasalahan dan dilema yang dihadapi oleh umat Islam masa kini.



Persidangan IRSYAD 2018 kali ini bertemakan "Dignifying Islamic Studies Toward Globalisation" yang mana bertujuan untuk membuat perkongsian ilmu hasil penyelidikan dari para pembentang dengan penghasilan idea yang positif dan praktikal sebagai solusi dan amalan berkesan menangani isu dan cabaran global masa kini.

KERTAS KERJA TERBAIK IRSYAD 2018

Tempat Pertama:

MANUSKRIP TAFSIR HAJI ABDULLAH MS 165 KOLEKSI DEWANBAHASA DAN PUSTAKA: KAJIAN DARI ASPEK KODIKOLOGI ILMU RASM DABT DAN FAWASIL AL-QURAN
Siti Azwanie Che Omar, Sedek Ariffin (Universiti Malaya)

Tempat Kedua:

KEFAHAMAN BERAGAMA DAN PROSES TRANSFORMASI HUBUNGAN PASANGAN DALAM PERKAHWINAN
Dini Farhana Baharudin, Suhailiza Md. Hamdani, Marina Munira Abdul Mutalib dan Mohd Zaliridzal Zakaria (Universiti Sains Islam Malaysia USIM)

TEMPAT KETIGA

PENGETAHUAN DABT AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEMESTER ENAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT, IQSA
Aslam Farah Binti Selamat, Shaharuddin Bin Pangilun, Mardhiah Binti Yahaya, Mohd Faizulamri Bin Mohd Saad (KUIS)

DİARI FPPI

- 2 March 2018: Inspirasi Hufaaz (JTQQ)
6 March 2018: Jalinan Kasih Orang Asli, Broga (JUDUS)
7 Mac 2018 : THIQAH 2018 di ILIM (JQS).
17 April 2018: Ukhuwaah day FPPI
19 April 2018: ISO Day FPPI
26 April 2018: Audit Fakulti dan Jabatan
11 Julai 2018: Jamuan Hari Raya FPPI
21-27Julai2018: ICOD 2018, Beijing, China (JUDUS)
21-25 Julai 2018: :Lawatan Ilmiah Pelajad Bahasa Arab ke Osaka, Jepun
2 Ogos 2018: Tadrib Maidani (Jabatan Bahasa Arab)
8 Ogos 2018: Daurah kitab Imam Ghazali (JUDUS)
16 Ogos 2018: Hari Terbuka Al-Quran & Al-Sunnah Dalam ICT(JQS)
7 September 2018: Majlis Khatam al-Quran (JTQQ)
12 September 2018: KUDUS 8.0
17 & 18 September 2018 : IRSYAD 2018 –di Tenera Hotel
14-15 November 2018: Team Building FPPI di Glory Beach Resort , Negeri Sembilan.

KEMBARA DAKWAH KE BEIJING, CHINA

Rombongan pelajar SMDPSI (Kursus Dakwah dan Pelancongan) bersama 20 orang pensyarah pengiring ke Beijing, China (21-27Julai2018) bagi tujuan seminar ICOD 2018 dan kembara ilmu.



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017

19 April 2018, Khamis - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017 KUIS telah berlangsung di Grand Putrajaya Ballroom 2 Marriot Hotel, Putrajaya. Majlis telah disempurnakan oleh Rektor KUIS, Prof. Dato' Dr. Ab Halim bin Tamuri.

Majlis anugerah ini diadakan setiap tahun bertujuan bagi memberi pengiktirafan kepada pegawai akademik, pegawai pentadbiran dan kakitangan sokongan yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi serta prestasi cemerlang didalam pelaksanaan tugas-tugas mereka.

Seramai 6 orang pegawai akademik Fakulti Pengajian Peradaban Islam, FPPI disenaraikan sebagai penerima APC 2017. Tahniah kepada semua penerima APC 2017!!!!

1. Dr. Muhammad Firdaus Abdul Manaf (JPBLA)
2. Ustaz Zaidul Amin Suffian Ahmad (JQS)
3. Ustaz Muhammad Fairuz A. Adi (JTQ)
4. Ustaz Shaharuddin Pangilun (JTQ)
5. Ustaz Ahmad Fauzi Mohd Shahar (JDUS)
6. Ustazah Safinah Ismail (JDUS).

Turut tersenarai pada hari anugerah tersebut penerima Anugerah Khidmat Setia 15 tahun (3 penerima), Anugerah Khidmat Setia 10 tahun (6 penerima), dan hadiah Ijazah Doktor Falsafah PhD (2 penerima).

TAHNIAH



THIQAH 2018

BANGI - 7 mac 2018 telah berlangsungnya THIQAH 2018 (International conference on Contemporary Issues in al-quran and hadith 2018) buat kali pertama anjuran Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, FPPI dengan kerjasama Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). Sebanyak 50 pembentang yang hadir dari IPTA mahupun PTS dalam dan luar negara serta 30 peserta khas dari wakil-wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Objektif THIQAH kali ini adalah untuk membahaskan isu-isu pengajian al-Quran dan al-Sunnah kontemporari dalam pelbagai dimensi di damping mengumpulkan pakar penyelidik dalam bidang kesepakaran dan perkongsian daptan penyelidikan. Seminar ini juga secara tidak langsung dapat menjalin hubungan akademik di antara IPT, badan kerajaan atau badan bukan kerajaan dan seterusnya meningkatkan sinergi al-Quran dan al-Sunnah sebagai warisan Nabawi.



UKHUWWAH DAY FPPI

Demi untuk memastikan warga kakitangan FPPI sihat dan cergas serta mengeratkan tali silaturrahim sesama ahli kakitangan FPPI. Satu program yang bertemakan sukan dan mahabbah telah dirancang dan diaturkan oleh pihak FPPI. Bertempat di tepi Tasik KUIS pada 17 April 2018. Program Sukan Mahabbah FPPI 2018 telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Program yang mendapat sambutan yang menggalakkan dari ahli akademik dan kakitangan pentadbiran FPPI bermula seawal 8.30 pagi, bermula dengan senaman ringan di bawah pimpinan Dr Razif .Semua kakitangan yang terlibat begitu teruja mengikut setiap langkah senam ringan yang susun oleh Dr Razif. Setelah setiap sendi dan anggota badan peserta renggang,program diteruskan dengan acara larian ringan mengelilingi tasik KUIS. Jelas terpancar kecerian dari setiap wajah peserta yang menyertai program yang julung-julung kalinya diadakan.Setelah semua peserta berjaya menghabiskan larian mengelilingi Tasik KUIS , program sarapan bersama pula diadakan,pelbagai juadah sarapan tersedia hasil dari *pockluck* yang dibawa oleh kakitangan FPPI secara sukarela.

Kemeriahuan program diteruskan setelah perut terisi dengan sarapan yang menyelerakan dengan program sukaneka yang menyeronokan.Setiap kakitangan diasingkan lelaki dan perempuan ,kemudian setiap kakitangan dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut tema warna yang telah ditetapkan oleh pihak ahli jawatankuasa pelaksana,pelbagai acara menarik dipertandingkan,setiap peserta cuba untuk memenangkan kumpulan mereka masing-masing,pelbagai skill yang jarang-jarang kali dapat dilihat keluar dari ahli akademik yang selama ini hanya sibuk dengan kerja-kerja akademik dan bengkel sana sini yang amat memenatkan.Dengan acara yang diadakan dapat merehatkan minda dan diri yang selama ini penat dengan kerja-kerja yang dipertanggung jawabkan.

Setelah semua acara habis dipertandingkan,program diteruskan dengan acara yang paling ditunggu-tunggu oleh setiap peserta, aroma ikan siakap bakar dan kambing perap bakar membangkitkan selera setiap peserta. Ketua Jabatan Tahfiz telah menaja 25 ekor ikan siakap dan Pengarah Program telah menaja kambing yang siap diperap untuk santapan jamuan makan tengah hari peserta pada hari tersebut.Program Sukan Mahabbah FPPI berakhir pada jam 12.30 tengah hari dengan upacara penyampaian hadiah kepada kumpulan yang memang dalam acara sukaneka dan ucapan penutup dari Dekan FPPI .Jutaan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Pelaksana yang telah menyusun program dan bertukus lumus bagi memastikan program ini berjaya,sekalung tahniah buat semua warga FPPI yang memberikan komitmen dan kerjasama dalam menjayakan program yang dirancang.



JAMUAN HARI RAYA AIDIL FITRI FPPI 1439 HIJRAH.



Majlis Sambutan Hari Raya adalah program tahunan FFPI yang diadakan untuk meraikan kemeriahian Hari Raya sesama kakitangan FFPI serta mewujudkan jalinan ukhwah yang berpanjangan. Pada 11 Julai 2018 bertempat di Ruang Legar Aras 2 Bangunan Akademik Dua ,FPPI dengan kerjasama INHAD KUIS telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya bagi tahun 1439 Hijri,majlis bermula dari jam 10:30 pagi dan berakhir pada jam 2 petang telah mendapat sambutan dan kerjasama yang menggalakkan dari ahli akademik dan kakitangan pentadbiran FPPI.

Majlis diserikan dengan kehadiran Dato' Rektor dan Timbalan-timbalan Rektor KUIS serta dekan-dekan dari fakulti lain. Semua tetamu berpuas hati dan gembira dengan menu utama Nasik Mandi Ayam dan Air Laici Kang yang pastinya menyelerakan.Pada majlis tersebut juga setiap tetamu di jamu dengan raja segala buah yang telah di taja oleh seorang pensyarah yang tidak mahu dikenali. Tetamu juga dijamu dengan pelbagai juadah hari raya yang disediakan oleh setiap jabatan dalam FPPI.

Moga Majlis Sambutan Hari Raya yang diadakan menjadi kenangan manis dan indah buat semua warga akademik dan kakitangan pentadbiran FPPI.



DAI'E ADAM—Pelajar FPPI Juara Daie Pendakwah Nusantara Siri ke Enam.

Di sini lahirnya daie ulamak dan umarak, dengan *tag line* ini KUIS telah berjaya melahirkan para pendakwah,ulamak dan pemimpin untuk generasi masa hadapan.Ini terbukti bila mana seorang pelajar , Jabatan Dakwah dan Usluddin FPPI KUIS telah berjaya menjadi juara untuk Program Realiti Daie Pendakwah Nusantara Siri Ke enam. Dizzy Reo Sidul dengan nama Islamnya Muhammad Adam Muhibbulah Bin Abdullah (Dai Adam) telah dinobatkan sebagai juara bagi program reality terbitan TV3 yang bersiaran secara langsung dari Sri Pentas 2, Plaza Alam Sentral ,Shah Alam selama 13 minggu.

Mula belajar di Pusat Asasi KUIS ,kemudian menyambung pelajaran untuk Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Sumber Insan,FPPI KUIS. Dai Adam telah bejaya menewaskan 9 peserta lain yang mempunyai kehebatan dan kelebihan yang tersendiri. Program yang disiarkan secara langsung oleh TV3 pada setiap minggu hari Jumaat jam 9 malam telah dihoskan oleh Datuk Rosyam Nor bersama Dai Izhar berjaya menarik minat penonton untuk menonton program reality berbentuk dakwah .

Setiap minggu peserta akan diberikan tajuk-tajuk tertentu untuk dikupaskan dalam masa 3 minit,Diae Adam berjaya mengupaskan tajuk-tajuk yang diberikan dengan jelas serta mempamerkan persembahan yang mantap sehingga menarik minat para juri tetap dan juri awam untuk memilih beliau sebagai juara.

Dengan kemenangan Adam ini,membuktikan para pelajar KUIS mampu untuk menjadi ikon remaja masa kini,pelajar KUIS juga mampu untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan pelajar-pelajar dari IPT yang lain.

Kami pihak FFPI KUIS mengucapkan tahniah kepada ikon remaja ini.Moga Adam terus maju dan menjadi Idola masyarakat. Tahniah Dai Adam,anda telah membanggakan dan menaikkan nama KUIS umumnya dan FPPI secara khususnya

GRADUAN SULUNG PHD KUIS TEKAD LESTARIKAN BAHASA ARAB, FPPI.

KUIS dengan tagline “Peneraju Tradisi Ilmu” sentiasa memastikan hala tuju pendidikan Islam melalui pembangunan kurikulum dan ko-kurikulum menjadi teras dalam menawarkan program-program yang memenuhi keperluan semasa (marketable) dan membawa perubahan pendidikan berdasarkan syariat Islam.

Syabas dan tahniah kepada graduan sulung Ijazah Doktor Falsafah Islamiyyat Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) iaitu Dr. Yaakob bin Hasan, Pensyarah Jabatan Bahasa Arab dan Linguistik, FPPI. Kejayaan beliau menjadi inspirasi kepada 68 orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat pasca siswazah di KUIS.

Selesai istiadat konvokesyen KUIS kali ke 21 Dr.Yaakob mengakui Bahasa Arab mempunyai lenggok tersendiri mengikut daerah sama seperti di Malaysia yang mempunyai loghat masing-masing di setiap negeri. Menurutnya, “Saya sendiri dilahirkan di Makkah dan bersekolah rendah serta menengah di sana, jadi Bahasa Arab sudah sebatik dalam diri.



“Oleh itu, apabila diberi peluang melanjutkan pengajian dalam bidang ini, saya ambil peluang itu dan berusaha membuat tesis supaya ia boleh menjadi sumber rujukan kepada orang lain,” katanya. Beliau kini sedang berusaha bekerjasama dengan Tabung Haji untuk menawarkan kepada mereka berminat mempelajari dielek Bahasa Arab. “Mungkin Tabung Haji sendiri boleh menawarkan kepada mereka yang berminat untuk mempelajari dan menyebarkan ilmu Bahasa Arab dengan setiap dilek yang berbeza,” katanya. Menurutnya, sepanjang melanjutkan pengajian pelbagai cabaran dan dugaan yang ditempuh namun ia bukan penghalang untuknya berjaya mendapatkan segulung ijazah PhD. Ini kerana pengajian PhD beliau dilakukan secara (separuh masa) mengajar dan belajar.

Beliau berkata lagi pemilihan tajuk tesis juga menjadi antara salah satu cabaran besar kerana ia merupakan salah satu tarikan bagi para pembaca.

Kini, Dr. Yaakob genap 11tahun berkhidmat sebagai Pensyarah di Jabatan Bahasa Arab dan Linguistik di KUIS dan melanjutkan pengajian PhD di institusi yang sama.

WAKIL-WAKIL FPPI BAGI SUKAN PKA KUIS 2018



TEAM BUILDING FPPI DI GLORY BEACH RESORT, NEGERI SEMBILAN

17-18 Novembar 2018: FPPI telah menganjurkan Team Building bersama para pensyarah KUIS dan keluarga. Program ini telah berlangsung selama 2 hari satu malam. Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sepanjang program ini. Pada hari pertama telah diadakan makan malam secara besar-besaran bersama barisan para pensyarah FPPI dan juga ahli keluarga di dewan Hotel Glory Beach Resort. Para pensyarah diminta naik ke pentas mengikut jabatan masing-masing dan mengadakan satu persembahan. Majlis diakhiri pada malam tersebut dengan acara pemotongan kek khas buat Dekan FPPI Prof Dr Mariam Abdul Majid dan Timbalan Dekan Akademik FPPI, Dr Nasimah Abdullah sempena berakhirnya jawatan mereka sebagai Dekan dan TDA.

Hari kedua merupakan hari yang di nanti-nati kerana ia adalah hari kemuncak program Team Building FPPI. Setelah semua siap bersarapan, acara sukaneka telah diadakan di tepi pantai berhampiran hotel. Pelbagai acara menarik telah dibuat seperti sukaneka bagi kanak-kanak, mengayam ketupat menggunakan plastik dan macam-macam lagi. Majlis diakhiri dengan acara bergambar sebagai kenang-kenangan.

Tahniah kepada semua warga FPPI!! Kita jumpa lagi di hari Keluarga FPPi 2019, INSYAALLAH!

